



MCKIP
MALAYSIA - CHINA KUANTAN INDUSTRIAL PARK



**LAPORAN
TAHUNAN
2017**

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi PKNP	2 - 5
Ahli-Ahli Perbadanan PKNP	6
Carta Organisasi PKNP	7
Pengurusan PKNP	8
Laporan Pengurusan	9 - 23
Kalendar Tahun 2017	24 -25
Laporan Dan Penyata Kewangan	

PERUTUSAN Pengerusi

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT., saya bagi pihak Ahli-Ahli Perbadanan PKNP membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP yang berakhir pada **31 Disember 2017**.

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan terus berkembang pesat meskipun dalam keadaan ekonomi global yang mencabar dan tidak menentu. Momentum pertumbuhan dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh dan diperteguhkan oleh sektor luaran yang menggalakkan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada kadar 5.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Sektor perkilangan terus memainkan peranan terpenting sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Negeri Pahang antara yang menerima limpahan ekonomi melalui kemasukan pelaburan sama ada pelabur asing mahupun pelabur tempatan. Dalam tahun 2017, sebanyak 19 projek telah diluluskan lesen pengilangan untuk Negeri Pahang dengan jumlah nilai pelaburan sebanyak RM2.96 bilion. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan 151 peluang pekerjaan khususnya kepada warga tempatan.

Penyediaan infrastruktur yang kondusif, prasarana industri yang menarik terutama dengan kewujudan Pelabuhan Kuantan serta lain-lain kemudahan utiliti antara faktor utama Pahang terus menjadi lokasi pilihan pelaburan. Selain itu, hubungan baik kerajaan negeri dengan para pelabur serta peranan PKNP selaku pemudahcara dalam *One Stop Agency* (OSA) turut menjadi tarikan pelabur.

Peranan PKNP dalam sektor hartanah memfokuskan kepada pembangunan projek mampu milik untuk kemudahan rakyat. Pada tahun 2017, PKNP memberi tumpuan kepada pembangunan lima (5) projek perumahan dan perkedaian yang mana tiga (3) daripadanya merupakan projek sambungan tahun 2016 manakala dua (2) lagi merupakan projek baharu.

Selain itu, PKNP turut memberi tumpuan kepada pembangunan sektor hartanah secara komersial melalui anak syarikat PASDEC Holdings Berhad dan RT Development & Engineering Sdn. Bhd. (RTDE).

Peranan PKNP sebagai agensi yang diamanahkan untuk menjayakan program pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang meletakkan kepentingan masyarakat luar bandar diteruskan melalui aktiviti pembangunan usahawan seperti pembudayaan, penggalakan dan bimbingan seterusnya menyelaraskan penyertaan para usahawan dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan secara usahasama dengan jabatan/agensi kerajaan serta badan-badan NGO.

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, PKNP telah mencatatkan kerugian bersih selepas cukai sebanyak (RM27.86 juta) berbanding dengan (RM14.25) juta bagi tahun sebelumnya. Kerugian yang dicatatkan di peringkat Kumpulan PKNP adalah sebanyak (RM56.84 juta) pada tahun 2017 apabila dibandingkan dengan (RM42.32 juta) dalam tahun 2016. Secara ringkas, kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan adalah seperti di bawah:

Ringkasan Penyata Pendapatan bagi tahun 31 Disember 2017

	Kumpulan		Perbadanan	
	2017	2016	2017	2016
	(RM Juta)		(RM Juta)	
Perolehan	142.42	188.16	72.46	40.73
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	(51.15)	(19.89)	(20.87)	1.38
Cukai	(5.70)	(22.43)	(6.98)	(15.63)
Keuntungan/(kerugian) Bersih tahun semasa	(56.84)	(42.32)	(27.86)	(14.25)

PROSPEK & PERANCANGAN MASA DEPAN

PKNP akan meneruskan usaha untuk memperkasa sektor perindustrian dan hartanah yang merupakan aktiviti utama organisasi dan menjadi pemangkin (catalyst) kepada pertumbuhan ekonomi negeri menerusi peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Bagi tempoh **2018-2026**, **PKNP telah menetapkan Perancangan Strategik jangka panjang** untuk memberi fokus kepada pelaksanaan strategi-strategi berikut:-

- Memantapkan penerokaan bisnes baharu secara strategik serta mewujudkan Kumpulan PKNP yang tinggi daya saing;
- Meningkatkan hasil jualan, sewaan dan pajakan aset hartanah;
- Memantapkan profesionalisme perancangan dan pengurusan pembangunan hartanah;
- Membudayakan integriti dan mengukuh pematuhan terhadap dasar dan prosedur organisasi;
- Mempunyai sistem penyampaian serta proses kerja bernilai tambah dan berinovasi;
- Meningkatkan kecekapan kawalan perundangan dan risiko dalam organisasi;
- Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan melangkaui ekspektasi pelanggan;
- Memantapkan keupayaan pengurusan harta;
- Memperkasa jenama dan imej organisasi;
- Meningkatkan komitmen organisasi di dalam mendokong dan melaksana agenda kerajaan negeri;
- Membangunkan komuniti usahawan dan produk niaga yang kreatif, berdaya saing tinggi dan kompeten; dan
- Memperkasa kompetensi dan kesiagaan modal insan organisasi.

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khususnya kepada Ahli Perbadanan, Pengurusan dan seluruh anggota pekerja PKNP yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan amanah di sepanjang tahun 2017. Sematkan iltizam dalam diri untuk lebih komited dalam melaksanakan peranan serta tanggungjawab demi kelangsungan dan kecemerlangan PKNP pada masa hadapan.

Sekian, wassalam,



DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.

Pengerusi

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

IAHLI - AHLI PERBADANAN



YAB. Menteri Besar Pahang

Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob
SDSA, SSAP, DSAP, DIMP, DGSM.



YB. Setiausaha Kerajaan Pahang

Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail
SSAP, SIMP, DSAP, DIMP, PUN, AAP, AMP.



YB. Pengerusi Undang-Undang
Negeri Pahang

Dato' Shamsulbahri bin Haji Ibrahim
DSAP, AMP.



YB. Pegawai Kewangan
Negeri Pahang

Dato' Indera Haji Mohamed Roslan bin Harun
SIMP, DSAP, DIMP, SMP.



Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Pahang

YH. Dato' Nazri bin Abu Bakar
DSAP, DIMP, SMP.



(Perantaraan Melalui Seksyen 4(1)(e)
Enakmen PKNP (Pindaan 1990))

YH. Dato' Sri Kamaruddin bin Mohammed
SSAP, DSAP, DIMP.



Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan Malaysia

YH. Dato' Sri Dr. Mohamad Isa bin Hussain
SSAP, DIMP.



Timbalan Ketua Setiausaha (Industri)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri


YBhg. Datuk Nik Rahmat bin Nik Taib
DPSK.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

YH. Dato' Indera Haji Abdul Rahim bin Mohd Ali
SIMP, DIMP, SMP, AMP.

I CARTA ORGANISASI PKNP



I PENGURUSAN PKNP



ILAPORAN PENGURUSAN

Laporan Pengurusan bagi tahun 2017 mengikut sektor

1.0. SEKTOR PERINDUSTRIAN

Pada suku tahun pertama 2017, ekonomi negara kekal kukuh pada kadar 5.6% berbanding suku keempat tahun sebelumnya pada kadar 4.5%. Nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus mencatatkan peningkatan kepada 5.8% di suku kedua tahun 2017 dan seterusnya pada kadar 6.2% bagi suku ketiga dalam tahun yang sama.

Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan diperteguhkan oleh sektor luaran yang lebih baik. Malaysia dijangka akan terus menerima kemasukan pelaburan terus asing yang positif.

Inisiatif kerajaan persekutuan melalui pembinaan projek *East Coast Railway Link* (ECRL), dijangka akan menyumbang sebanyak 1.5% kepada pertumbuhan KDNK Pahang di samping akan mewujudkan kesan berganda '*multiplier effect*' kepada pembangunan sosio-ekonomi negeri.

Sejajar dengan perkembangan positif ini, ekonomi Pahang dijangka akan terus mengalami kadar pertumbuhan yang mampan dan berupaya menarik pelaburan-pelaburan baharu.

Data statistik kelulusan lesen pengilang yang oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) bagi tempoh **1987 – 2017** adalah seperti berikut :

- a) Kelulusan Projek perkilangan = **578 projek**
- b) Nilai Pelaburan Keseluruhan = **RM44.98 billion**
 (Pelaburan Tempatan : RM 9.84 billion)
 (Pelaburan Asing : RM 35.14 billion)
- c) Peluang pekerjaan diwujudkan = **82,292 orang**

Sepanjang tempoh **Januari – Disember 2017**, bilangan projek yang telah mendapat kelulusan lesen pengilang oleh MITI khusus untuk Negeri Pahang adalah sebanyak **19 projek** dengan jumlah nilai pelaburan berjumlah **RM2.96 billion** manakala jumlah tenaga kerja yang dianggarkan adalah seramai **151 orang**.

Daripada jumlah tersebut, nilai pelaburan langsung domestik (DDI) adalah sebanyak **RM2.14** billion manakala nilai pelaburan langsung asing (FDI) bernilai **RM823.14** juta.

Sehingga Disember 2017, jumlah pelaburan asing dalam aktiviti perkilangan di Pahang adalah bernilai RM35.14 billion. Angka ini berdasar kepada projek-projek yang sedang beroperasi dan diluluskan tapak mengikut rekod dan data yang dikumpul oleh MIDA.

Jumlah projek pelaburan asing di Pahang bagi tahun 2017 adalah sepertimana perincian berikut:-

<i>Negara Asing</i>	<i>Bil Projek</i>	<i>Nilai (RM' Juta)</i>
Indonesia	1	0.47
Singapura	4	74.12
*Taiwan	1	0.00
Jerman	2	1.29
Korea	1	183.12
China	1	250.00
Lain-lain	3	314.13
JUMLAH	13	823.13

Sumber: MIDA sehingga Disember 2017

Dalam tahun 2017, PKNP terus mempergiatkan program/aktiiti mempromosi tanah industri dengan memberi keutamaan kepada penyediaan infrastruktur yang lebih kondusif melalui kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur sedia ada Kawasan Perindustrian di Negeri Pahang.

Portal OSA (www.investinpahang.gov.my) yang dibangunkan oleh PKNP sebagai langkah untuk mempergiatkan usaha promosi secara interaktif telah menerima pelawat seramai 38,398 orang. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan penggunaan medium tersebut sebanyak 15.75%.

Kecekapan selaku pemudahcara dalam "One Stop Agency" dipertingkatkan melalui hubungan yang kukuh di antara PKNP dengan agensi/jabatan teknikal kerajaan negeri supaya setiap permasalahan/isu yang dihadapi oleh pelabur baharu atau sedia ada dapat diselesaikan dengan lebih berkesan dan lancar.

Taman Perindustrian Malaysia–China Kuantan (MCKIP)

Projek Taman Perindustrian Malaysia–China Kuantan (MCKIP) di Kawasan Perindustrian Gebeng bakal menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri dengan kewujudan Syarikat Alliance Steel Sdn Bhd (ASSB).

ASSB telah membawa masuk nilai pelaburan asing (FDI) sebanyak **RM4.2 billion** melalui pembinaan kilang pemprosesan besi keluli di atas sebahagian tapak MCKIP seluas **710 ekar**. Dengan jangkaan kapasiti pengeluaran produk keluli sebanyak **3.5 juta tan setahun**, syarikat ini dijangka akan beroperasi pada Jun 2018.



MCKIP pemangkin kepesatan industri di Gebeng

Tanjung Agas Maritime Park (TAMP)

Tanjung Agas Maritime Park (TAMP) di Pekan, Pahang bakal menjadi pemangkin kepada kepesatan hub perdagangan di kawasan Pelabuhan Kuantan. TAMP telahpun dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti jalan raya, jambatan, lampu jalan, tangki air berkapasiti 600,000 gpd serta lain-lain keperluan. Selain itu, pembinaan pencawang elektrik yang bermula pada Oktober 2013 telah siap sepenuhnya akhir tahun 2017.

Sistem bekalan air yang disokong oleh pembangunan projek Loji Air Ganchong Fasa 3 oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) sedang giat dibangunkan. Adalah dijangkakan bekalan elektrik dan air akan mula disalurkan pada penghujung tahun 2018.

Pada ketika ini, PKNP dan syarikat pemaju, TGA Solutions Sdn. Bhd. sedang giat menarik pelabur-pelabur potensi bertaraf multinasional dan tempatan untuk melabur di TAMP.



Kemudahan infrastruktur yang disediakan di TAMP

Golf Hari Mesra Pelabur 2017

Untuk mengukuhkan hubungan korporat dengan para pelabur dengan agensi/jabatan kerajaan negeri, PKNP telah menganjurkan Kejohanan Golf Mesra Pelabur 2017 yang berlangsung dengan jaya pada 22 Mac 2017.

Kejohanan yang turut disertai oleh YAB. Menteri Besar Pahang telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelabur, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri serta wakil syarikat swasta dan institusi perbankan dengan penyertaan keseluruhan seramai 100 peserta.

Secara keseluruhannya, dalam cabaran pertumbuhan ekonomi yang perlahan ketika ini, usaha-usaha berasaskan strategi industrialisasi yang 'outward-looking' dan produktif akan terus dipergiatkan bagi memastikan Negeri Pahang terus menjadi destinasi pelaburan asing bagi menjalankan aktiviti perkilangan masing-masing.



Golf Mesra Pelabur - eratkan hubungan kerajaan negeri dengan para pelabur

2.0. SEKTOR HARTANAH

Projek Sosio-Ekonomi

Pelaksanaan dua projek baharu yang dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun 2017 terpaksa ditangguh disebabkan syarat-syarat pembiayaan pinjaman yang ketat dan faktor pasaran hartanah yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, pembangunan tiga projek sambungan 2016 masih diteruskan.

Status dan pencapaian projek yang telah dirancang bagi tahun 2017 adalah sepertimana jadual di bawah:-

Bil	Cadangan Projek	Komponen Pembangunan	Status 2017
1.	Perumahan Bandar Baru Chendor Fasa III (baru)	Rumah Berkembar - 20 unit Rumah Teres - 22 unit	Pelaksanaan projek ditangguhkan kerana keadaan pasaran hartanah yang tidak menentu disebabkan kesukaran pembeli mendapatkan pinjaman
2.	Perumahan Berchang Fasa 1, Lipis (baru)	Rumah Teres -37 unit	Pelaksanaan projek ditangguhkan atas faktor pasaran hartanah yang tidak menentu menyukarkan pembeli untuk mendapatkan pinjaman
3.	Perkedaian Jerantut Fasa 2 (sambungan)	Rumah Teres -21 unit Rumah Berkembar -60 unit Rumah Sebuah -3 unit	Kemajuan pembinaan fizikal perumahan telah mencapai 95% dan jangkaan CCC akan dikeluarkan pada akhir suku tahun kedua 2018.
4.	Perkedaian Jerantut Fasa 2 (sambungan)	Kedai 2 Tingkat -15 unit Kedai 3 Tingkat -8 unit	Kemajuan pembinaan telah mencapai 98% dan jangkaan CCC akan dikeluarkan pada akhir suku tahun kedua 2018.
5.	Perumahan Chemperoh (sambungan)	Rumah Teres Type A -39 unit Rumah Teres Type B -26 unit Rumah Berkembar -8 unit	Kemajuan kerja tapak mencapai 55%



Salah satu projek komersial yang siap dibangunkan

Projek Usahasama

Pada tahun 2017, kerajaan negeri telah meluluskan kepada PKNP beberapa projek usahasama untuk membangun 473 unit rumah kediaman di bawah program Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M).

Pembangunan dijangka akan bermula pada awal tahun 2018 di daerah-daerah sepertimana cadangan projek berikut:

Bil	Cadangan Projek	Komponen Pembangunan	Unit
1.	Perumahan Chendor, Sg. Karang Kuantan	Rumah Banglo Rumah Semi-D Teres Setingkat Teres 2 Tingkat	31 30 43 66
2.	Perumahan Paya Lang, Bera	Banglo	30
3.	Perumahan Muadzam Shah 1, Rompin	Banglo	30
4.	Perumahan Muadzam Shah II, Rompin	Banglo	30
5.	Perumahan Chamang, Bentong	Rumah Banglo Teres Setingkat	131 82
JUMLAH			473

3.0. PROJEK SOSIO-EKONOMI

Untuk meneruskan agenda pembangunan negara, dalam tahun 2017 PKNP telahpun diluluskan geran peruntukan sebanyak RM2.9 juta daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk melaksanakan dua (2) projek iaitu 4 Unit Bengkel Rakyat Berserah bernilai RM1.4 Juta dan 6 Unit Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau bernilai RM1.5 Juta.

Pembangunan kedua-dua projek ini akan dimulakan pelaksanaannya pada awal tahun 2018

4.0. SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KEUSAHAWANAN

Berpandukan Blueprint Transformasi Pembangunan Keusahawanan PKNP, aktiviti keusahawanan telah dilaksanakan dengan lebih terancang menggunakan strategi serta kekuatan sumber sedia ada antaranya mengenalpasti program yang menjurus kepada aktiviti perniagaan yang diceburi oleh usahawan Bumiputera yang berdaftar di bawah Program Transformasi Pembangunan Keusahawanan PKNP. Sehingga tahun 2017, seramai 41 usahawan Bumiputera telah mendaftar di bawah program tersebut.

Aktiviti/program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun yang dilaporkan khususnya untuk usahawan di bawah program ini adalah Pembentukan Usahawan Baharu (PEMBURU), Coaching & Monitoring (Master Your Own Business) dan 1-Entrance (1 Entrepreneur Transformation Centre).

Selain itu, PKNP turut mempergiatkan penganjuran program yang mensasarkan penyertaan dari kalangan bakal usahawan, peniaga atau penyewa premis PKNP seluruh Pahang. Aktiviti pembangunan keusahawanan berbentuk kursus, bengkel, seminar, diskusi peluang niaga dan karnival jualan telah dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak luar ataupun anjuran PKNP.



Salah satu program keusahawanan yang dianjurkan oleh PKNP

PKNP tetap meneruskan agenda pembangunan komuniti melalui pelaksanaan program berbentuk kemasyarakatan di mana aktiviti keusahawanan yang melibatkan penyertaan usahawan luar bandar diberi keutamaan. Untuk mewujudkan sinergy yang mantap, PKNP dengan kerjasama MDEC telah menganjurkan Program e-Rezeki yang fokus kepada peluang menambah pendapatan menggunakan medium internet.

Di samping itu, PKNP sedang mengkaji peluang-peluang baharu dalam bidang akuakultur dan agrokultur sebagai salah satu alternatif untuk diterokai/diceburi oleh usahawan yang berminat dan berpotensi.

Maklumat terperinci penganjuran aktiviti keusahawanan sepanjang tahun 2017 adalah sepertimana berikut:-

Program Anjuran PKNP (Program Transformasi Keusahawanan PKNP)

Bil	Program	Bulan	Penyertaan
1.	Perjumpaan Awal tahun dan Ramah Mesra Bersama Penyewa KDM	Januari	44
2.	Elite Personal Coaching (Borong)	Februari	20
3.	Elite Personal Coaching (Usahawan IKS)	Februari	5
4.	Seminar Transformasi Borong Berjaya	April	58
5.	Master Your Own Business – Usahawan Jahitan & Tekstil	Ogos	7
6.	Sesi Tea Talk Bersama Usahawan KDM	September	21
7.	Taklimat Peluang Penyewaan Premis	September	25

Program Kerjasama Dengan Pihak Luar

Bil	Program	Bulan	Penyertaan
1.	Sesi Perkongsian Ilmu bersama Dato' Kamaruzzaman Idris	Januari	60
2.	Seminar Bangkit Dari Muflis	Februari	89
3.	Business Matching Bersama SME Corp dan KPDNKK	Mei	174
4.	Karnival Minggu PKS Negeri Pahang	Mei	30
5.	Seminar Peluang Perniagaan Halal di Jepun Anjuran MITI dan JETRO	Ogos	5

5.0. SEKTOR PELABURAN

Aktiviti pelaburan yang menjana pendapatan tambahan kepada PKNP terus dipergiatkan. Projek pelaburan yang dilaksanakan secara aktif sepanjang tahun 2017 adalah sepertimana berikut:

5.1. Projek Penswastaaan

Dalam tahun 2017, aktiviti penswastaaan telah menyumbang pendapatan sebanyak RM4.6 juta melalui projek perlombongan, Business & Budget Hotel, tanaman kelapa sawit, kilang pemprosesan serbuk ikan dan ternakan akuakultur.

5.2. Perlombongan

Aktiviti ini telah berjaya menjana pendapatan berjumlah RM3.6 juta melalui enam (6) projek perlombongan yang diuruskan oleh PKNP Mineral Industries Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh PKNP. Projek-projek perlombongan yang sedang dilaksanakan ialah satu (1) di Chini, dua (2) di Sungai Lembing, satu (1) di Bukit Ibam, satu (1) di Sungai Koyan dan satu (1) di Ulu Lepar.

5.3. Perladangan

Ladang sawit milik PKNP seluas 25,770 ekar diuruskan oleh anak syarikat, PKNP Agro Tech Sdn. Bhd. Pada tahun 2017, ladang Mukim Ganchong di, Pekan seluas 4,770 ekar telah mengeluarkan hasil tuaian sebanyak 10 metrik tan/hektar dengan perolehan pendapatan yang dicatatkan sebanyak RM5.34 juta.



Hasil tuaian buah sawit di Ladang Ganchong, Pekan menjana sumber pendapatan baharu PKNP

Di samping itu, kerja-kerja penanaman di atas tanah seluas 1,000 ekar di Kampung Sembayan, Rompin serta kerja-kerja pembersihan dan penanaman di atas tanah berkeluasan 20,000 ekar di Mukim Hulu Tembeling di Jerantut sedang giat dilaksanakan.

5.4. Prestasi Anak-anak Syarikat

5.4.1. RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE)

RTDE berjaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai syarikat pada tahun 2017 sebanyak RM0.7 juta melebihi sasaran bajet yang ditetapkan iaitu sebanyak RM23 ribu.

Antara projek komersial yang berjaya disiapkan ialah Projek Peramu Permai1 & 2 di Pekan dan Sinaran Mahkota Bandar Indera Mahkota dalam daerah Kuantan.

Di samping itu, RTDE merancang untuk meneruskan pembangunan projek Mahkota Triangle dan Oasis di Indera Mahkota Kuantan serta projek Peramu Permai di Pekan. (Cassia, Commercial, & Semi-D).

5.4.2. Rumpun Timur Sdn Bhd

Rumpun Timur Sdn. Bhd. (RTSB) yang menjalankan aktiviti penternakan ayam pedaging di ladang Sungai Miang, Pekan. Syarikat telah menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2017 setelah berjaya mengeluarkan hasil tuaian kira-kira 651,000 ekor ayam dengan jumlah perolehan pendapatan sebanyak RM7.2 juta.

5.4.3. Realistic Attraction Sdn. Bhd.

Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) pengeluar Tenun Pahang Diraja telah mencatatkan keuntungan pada tahun 2017 melebihi 61% daripada yang disasarkan. Faktor ini disokong oleh jumlah pengeluaran produk yang meningkat 88% kepada 6,480 meter berbanding tahun sebelumnya 3,450 meter. Tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti produk dan servis yang ditawarkan merupakan faktor utama yang mendorong kepada peningkatan prestasi syarikat.

5.4.4. PKNP Mineral Sdn. Bhd.

Prestasi syarikat pada tahap yang amat baik bagi tahun 2017. Dari perspektif kewangan, pencapaian syarikat melebihi sasaran bajet tahunan dengan mencatatkan keuntungan sebanyak RM5.5 juta berbanding sasaran RM0.4 juta.

5.4.5. PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd.

Dalam tahun 2017, syarikat berjaya mengurangkan defisit kerugian sebanyak RM0.89 juta berbanding tahun sebelumnya. Kira-kira 1,996 ekar kawasan di Ladang Ganchong di Pekan telah mengeluarkan hasil dengan pendapatan sebanyak RM5.34 juta.

Di samping itu, syarikat giat menjalankan kerja-kerja pembukaan ladang-ladang baharu yang melibatkan kawasan seluas 2,847 ekar di Hulu Tembeling, Jerantut dan 1,000 ekar di Sembayan di Rompin.

5.4.6. BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC)

Aktiviti perniagaan syarikat merangkumi pakej perkahwinan, penganjuran kursus dan seminar, penyewaan penginapan, pengurusan program, pengurusan resort, pembekalan makanan dan penyewaan peralatan. BCIC telah mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM1.30 juta bagi tahun 2017.

6.0. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Jumlah keseluruhan anggota pekerja PKNP yang dicatatkan pada 31 Disember 2017 seramai 149 orang. Pecahan mengikut kumpulan perkhidmatan; seorang Pengurusan Atasan, 40 orang Kumpulan Pengurusan & Profesional manakala Kumpulan Pelaksana seramai 108 orang.

Mesyuarat Ahli Perbadanan yang dipengerusikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob telah meluluskan beberapa perubahan kepada Carta Fungsi/Struktur Organisasi PKNP dengan tujuan untuk memantapkan lagi pentadbiran dan pengurusan PKNP.

Struktur baharu yang berkuatkuasa 9 Mac 2017 turut melibatkan perubahan nama ke atas bahagian/unit di PKNP selain pertukaran anggota pekerja supaya peranan serta fungsi setiap bahagian atau unit dapat diperkemas.

Dari aspek pengisian jawatan, PKNP telah melantik sebelas (11) orang anggota pekerja baharu. Dari jumlah tersebut, lapan (8) orang ditawarkan lantikan tetap manakala tiga (3) lagi lantikan pinjaman syarikat RTSB. Dalam tempoh tersebut, anggota pekerja pelbagai lapisan telah menikmati faedah kenaikan pangkat dan gred setelah PKNP melakukan semakan dan penyelarasan ke atas perjawatan anggota pekerja berdasarkan kekosongan serta kepentingan organisasi. Melalui exercise ini, seramai 20 orang anggota pekerja telahpun mendapat manfaat.

PKNP telah membelanjakan hampir RM200,000.00 untuk program-program latihan seperti kursus, bengkel serta sesi perkongsian ilmu yang dianjurkan secara dalaman atau mengikuti program latihan anjuran pihak luar. Dalam tempoh tersebut, sebanyak sepuluh (10) kursus dalaman telah diadakan bagi mewujudkan tenaga kerja yang profesional dan kompeten di mana fokus diberikan ke atas memperkasakan Pelan Strategik Kumpulan PKNP.

Selain itu, untuk tujuan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota pekerja, program-program berbentuk keagamaan seperti Kuliah Tafsir Al-Quran dan Kuliah Agama yang merupakan antara aktiviti di bawah Program Pemantapan Budaya PKNP diteruskan mengikut jadual yang telah ditetapkan.



Program Kuliah Agama setiap jumaat terap nilai-nilai murni di kalangan anggota pekerja PKNP

Berpegang kepada prinsip ***Human Resources is our best asset, we care most about our best asset***, PKNP memberi perhatian yang serius untuk menjaga kepentingan dan kebajikan anggota pekerja. Sepanjang tahun 2017, kira-kira 0.568 juta telah dibelanjakan untuk rawatan di klinik panel dan insuran berkelompok khusus untuk seluruh anggota pekerja PKNP termasuk tanggungan masing-masing.

Di samping itu juga, peruntukan perbelanjaan rawatan untuk pesara-pesara PKNP turut disediakan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM200,000.00 untuk bayaran perkhidmatan dialisis dan rawatan di Institut Jantung Negara.

7.0. SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PKNP MS ISO 9001:2008 pada tahap yang memuaskan, pelaksanaan audit pemantauan telah diadakan pada 11 hingga 13 Disember 2017.

Dalam tempoh kerja-kerja pengauditan dijalankan, pihak SIRIM mengesahkan pelaksanaan SPK PKNP memenuhi keperluan standard yang telah didokumenkan dan disyorkan pensijilan MS ISO 9001:2008 diteruskan tanpa sebarang pindaan.

Skop pelaksanaan SPK PKNP merangkumi semua aktiviti utama organisasi antaranya Pembangunan dan Promosi Perindustrian, Pembangunan Projek Komersial, Pembangunan Projek Sosio-Ekonomi, Pembangunan Keusahawanan Bumiputera, Pemantauan Pelaburan dan Perkhidmatan Korporat.



Perbincangan dengan pihak Juruaudit SIRIM

8.0. AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S

Untuk memastikan setiap anggota pekerja membudayakan Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S, Jawatankuasa Audit 5S PKNP melakukan pemantauan dengan melaksanakan Audit 5S mengikut standard/kriteria yang ditetapkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Kerja-kerja pengauditan telah dijalankan pada 6 - 11 November 2017.

9.0. INOVASI

PKNP memberi penekanan yang serius supaya inovasi diadaptasikan dalam setiap proses kerja melalui Amalan Pengurusan Lean yang merupakan salah satu metodologi yang dapat meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan.

Sehingga tahun 2017, sebanyak 105 proses kerja telah diletakkan di bawah Pengurusan Lean sebagai usaha untuk merealisasikan tiga aspek penting yang digariskan dalam agenda inovasi PKNP iaitu pembaharuan/penambahbaikan proses yang sedia ada kerana terdapatnya masalah, perubahan berasaskan R & D serta perubahan/penambahbaikan kepada proses yang sedia ada dan telah baik.

Buat julung kalinya PKNP telah mengadakan Mini Konvensyen Pengurusan Lean PKNP 2017 berbanding tahun-tahun sebelumnya dengan matlamat setiap ahli Kumpulan Projek Pengurusan Lean diberi peluang untuk melontarkan idea masing-masing di samping mengenalpasti ruang atau peluang untuk membuat melakukan penambahbaikan. Penglibatan anggota pekerja PKNP dalam projek Pengurusan Lean sehingga tahun 2017 telah mencecah 93%.

PKNP komited untuk menjadikan inovasi sebagai pelonjak utama yang mampu memacu organisasi dalam meneruskan kecemerlangan melalui peningkatan produktiiti serta sistem penyampaian untuk keperluan rakyat. Sambutan Hari Inovasi PKNP yang bertemakan **Sinergi Inovasi Pemacu Transformasi** telah diadakan pada 31 Oktober 2017 merupakan komitmen PKNP untuk memastikan pembudayaan kreativiti dan inovasi yang terancang serta konsisten oleh semua lapisan anggota pekerja



Pelancaran Hari Inovasi 2017 - Memacu pembudayaan kreativiti dan inovasi di PKNP

10.0. PRESTASI PENCAPAIAN ICT PKNP 2017

Pada setengah tahun pertama 2017, aktiviti ICT PKNP menjurus kepada melakukan kajian untuk membangunkan Sistem Pengurusan Tanah PKNP bagi menggantikan kaedah manual rekod tanah; Sistem Gaji PKNP yang baharu untuk menukarkan dan sekaligus menaik taraf sistem sedia ada; serta cadangan memperingkatkan Sistem Sekuriti dan Kawalan Penggunaan Internet PKNP.

Selain itu, Sistem Pengurusan Kewangan SAP Business One dipantau penggunaannya untuk tujuan penambahbaikan supaya pengemaskinian Buku Vot dan Laporan Prestasi dapat dilakukan dengan lebih sistematik. Turut dibangunkan, Sistem Carian Minit Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP dan Automasi Permohonan Penggunaan Kondominium PKNP bagi anggota pekerja yang bertugas di Kuala Lumpur.

Untuk memastikan aliran kerja yang lebih kemas dan difahami oleh semua pihak yang terlibat dengan sistem yang dibangunkan, PKNP telah menganjurkan Bengkel Modul Pelupusan, Hapuskira dan Pelarasan menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS) dan Bengkel Pengemaskinian Portal PKNP.



Latihan kakitangan secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran

Lain-lain aktiviti/program ICT adalah melibatkan penyelenggaraan dan penggantian alat sistem komputer mengikut keperluan dari masa ke semasa, pemantauan kerja-kerja kontrak pembekal ICT, kajian sistem yang sedia ada terutamanya yang melibatkan pengurusan sumber manusia dan kewangan, keperluan stok ink dan toner, kemudahan pinjaman notebook serta khidmat sokongan ICT kepada pihak pengurusan dan anggota pekerja PKNP dalam pengurusan majlis yang melibatkan persembahan multimedia.

Di samping itu, PKNP turut memberikan khidmat nasihat kepada anak-anak syarikat berhubung pembaharuan lesen dan khidmat sokongan sistem perakaunan berkomputer serta lain-lain sistem yang melibatkan pihak ketiga.

IKALENDAR TAHUN 2017

JAN	12 Januari 2017	Perhimpunan Awal Tahun PKNP 2017 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.
APRIL	6 April 2017	Majlis Ramah Mesra dan Makan Tengahari Bersama Majlis Daerah Pekan di Hotel Ancasa, Pekan.
	14 April 2017	Majlis Ramah Mesra dan Working Dinner Bersama Pejabat Tanah dan Galian Pahang, Pejabat Tanah Dan Daerah Kuantan dan JUPEM di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.
MEI	2 Mei 2017	Perhimpunan Hari Pekerja PKNP 2017 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.
	2 Mei 2017	Taklimat "Nikmat atau Laknat" Sempena Perhimpunan Hari Pekerja PKNP 2017 pada bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.
	24 Mei 2017	Majlis Ramah Mesra dan Makan Malam Bersama Majlis Perbandaran Kuantan bertempat di Grand DarulMakmur Hotel, Kuantan
JULAI	20 Julai 2017	Majlis Kesyukuran dan Meraikan Persaraan/Bakal Haji pada di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan
OGOS	24 Ogos 2017	Majlis Menandatangani Perjanjian di Antara BG Mining Sdn. Bhd. dengan PKNP Mineral Sdn. Bhd. pada bertempat di Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan
SEPTEMBER	3 & 4 September 2017	Program Ibadah Korban Kumpulan PKNP Sempena Hari Raya Aidil Adha 1438H/2017M di Kampung Janda Baik, Bentong
	19 September 2017	Majlis Menandatangani Perjanjian Jualbeli Tapak Industri Di Antara PKNP dan Asas Panorama Sdn. Bhd. bertempat di Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan.
	21 September 2017	Lawatan Kerja Ketua Pegawai Eksekutif Bersama Pengurusan ke Ladang PKNP di Ganchong, Pekan pada

OKT

30 Oktober 2017 Mini Konvensyen Pengurusan Lean PKNP 2017 bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

31 Oktober 2017 Majlis Perasmian Sambutan Hari Inovasi PKNP 2017 pada bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 62.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

Perjanjian berhubung pemilikan unit saham Felda Global Ventures Holdings Berhad yang berjumlah RM4.55 juta di antara Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang belum ditandatangani.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965, saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 11 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain


Laporan ini dibuat untuk Ahli Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

24 SEPTEMBER 2018




PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
